

PLASTER BERUBAT NEOBUN

Menthol (6.5%w/w), Methyl Salicylate (6.5%w/w), Camphor (3.0%w/w), Thymol (1.0%w/w)

Apakan yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan PLASTER BERUBAT NEOBUN
2. Bagaimana PLASTER BERUBAT NEOBUN berfungsi
3. Sebelum mengambil PLASTER BERUBAT NEOBUN
4. Cara menggunakan PLASTER BERUBAT NEOBUN
5. Semasa menggunakan PLASTER BERUBAT NEOBUN
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan PLASTER BERUBAT NEOBUN
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakan kegunaan PLASTER BERUBAT NEOBUN

Untuk melegakan sakit dan sakit yang berkaitan dengan: keletihan otot, sakit otot, ketegangan leher dan bahu, sakit sendi, sakit belakang, lebam, terseliuh, ketegangan, sakit arthritis.

Bagaimana PLASTER BERUBAT NEOBUN berfungsi

PLASTER BERUBAT NEOBUN mengandungi bahan aktif Menthol, Methyl Salicylate, Camphor dan Thymol.

Menthol, apabila digunakan pada kulit, melancarkan saluran darah yang menyebabkan sensasi kesejukan diikuti dengan kesan analgesik. Diaplikasikan secara luaran, Methyl Salicylate digunakan untuk melegakan kesakitan pada gangguan muskuloskeletal, sendi dan tisu lembut. Camphor bertindak sebagai analgesik rubefacient dan ringan. Thymol adalah disinfektan yang juga mempunyai ciri-ciri antikulat.

Sebelum mengambil PLASTER BERUBAT NEOBUN

Bila tidak boleh digunakan

Jangan gunakan PLASTER BERUBAT NEOBUN jika

1. Anda mengambil warfarin, penggunaan secara berlebihan ke kulit untuk otot atau sakit sendi dapat meningkatkan peluang pendarahan.
2. Anda mempunyai kulit sensitif atau dermatitis.
3. Penggunaan secara terus ke dalam lubang hidung.

Sebelum menggunakannya

Semak dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Sekiranya anda alah kepada Menthol, Methyl Salicylate, Camphor dan Thymol, atau bahan-bahan lain dalam produk ini.

Pengambilan ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil warfarin.

Cara menggunakan PLASTER BERUBAT NEOBUN

Berapa banyak harus digunakan

Tidak lebih dari 3 hingga 4 kali sehari. Tanggalkan selepas penggunaan lebih 8 jam.

Bila perlu digunakan

Gunakan untuk melegakan sakit dan kesakitan yang berkaitan dengan: keletihan otot, sakit otot, ketegangan bahu, sakit belakang, lebam, terseliuh, ketegangan, arthritis.

Berapa lama perlu digunakan

Penggunaan harus diteruskan apabila terdapat tanda-tanda keletihan otot, sakit otot, ketegangan bahu, sakit belakang, lebam, terseliuh, ketegangan, arthritis.

Jika terlupa menggunakan

Gunakan produk ini dengan segera dan kemudian teruskan penggunaan macam biasa.

Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)

Pesakit yang mengambil warfarin mungkin berisiko mengalami pendarahan jika diaplikasi secara berlebihan pada kulit.

Semasa menggunakan PLASTER BERUBAT NEOBUN

Perkara yang perlu dilakukan

Pastikan tempat yang terjejas adalah bersih dan kering.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Produk ini tidak sewajarnya digunakan pada bayi and kanak-kanak di bawah umur 2 tahun dan dikontraindikasikan pada mereka yang menunjukkan hipersensitiviti terhadap sebarang komponen dalam formulasi ini.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Untuk kegunaan luaran sahaja.

Jauhi daripada capaian kanak-kanak.

Kesan-kesan Sampingan

Jangan gunakan jika anda alah kepada aspirin atau salisilat. Hentikan penggunaan dan rujuk doktor sekiranya keadaan bertambah buruk, ruam, gatal-gatal, atau kerengsaan kulit berlebihan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers -> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan PLASTER BERUBAT NEOBUN

Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C

Simpan di tempat yang kering dan sejuk serta terlindung daripada cahaya.

Pelupusan

Lupuskan produk selepas tarikh luput.

Maklumat Lanjut

Rupa dan warna produk PLASTER BERUBAT NEOBUN

Plaster fabrik putih bersegi empat tepat dilapisi dengan lapisan nipis koloid berubat.

Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan ramuan di dalam produk ini ialah Menthol, Methyl Salicylate, Camphor, Thymol, Rubber Adhesive Solution 20% solid content, Polyisobutene, Zinc Oxide, Aliphatic Hydrocarbon Resin, Lanolin Anhydrous dan Peppermint Oil.

Nombor MAL

MAL19116024X

Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

THP Medical Sdn. Bhd
(1135528-K)

Lot PT 1281 (Plot 308), Jalan Perindustrian Bukit Minyak 18, Kawasan Perindustrian Bukit Minyak, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP
06/10/2020

Nombor siri
NPRA(R2) 19/163